



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM KEPIMPINAN YAYASAN TUN RAZAK
2026 (TRF LEAP)**

**26 JANUARI 2026 (ISNIN)
11.00 PAGI**

**GRAND BALLROOM, SERI PACIFIC HOTEL
KUALA LUMPUR**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia
MADANI

SALUTASI

****Salutasi terkini disediakan secara berasingan.***

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan tahniah kepada Yayasan Tun Razak atas penganjuran **Program Kepimpinan Yayasan Tun Razak 2026 (TRF LEAP)** bersempena dengan **memperingati 50 tahun pemergian Tun Abdul Razak** pada tahun ini.
2. Saya juga mengambil platform ini untuk menyatakan bahawa Jemaah Menteri pada 14 Januari 2026 telah memutuskan supaya **Kementerian Perpaduan Negara menganjurkan Majlis Memperingati Ulang Tahun Pemergian Ke-50 Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein** sempena **Sambutan Bulan Kebangsaan** nanti.
3. Penganjuran majlis ini mencerminkan **iltizam Kerajaan untuk menghidupkan semula nilai-nilai kenegaraan, semangat patriotisme dan pengorbanan** yang telah ditunjukkan oleh seorang tokoh negarawan ulung yang banyak berjasa dalam membina asas kekuatan negara bangsa Malaysia.

JASA TUN ABDUL RAZAK

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

4. Tun Abdul Razak sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa **perpaduan nasional tidak boleh dibina hanya melalui slogan semata-mata, sebaliknya mesti disokong oleh dasar yang berteraskan keadilan sosial, kesaksamaan peluang, kerjasama antara kaum serta pembangunan yang seimbang.**
5. Justeru, pelbagai dasar dirangka bagi memastikan setiap rakyat, tanpa mengira latar belakang kaum dan wilayah, mendapat layanan yang saksama serta peluang yang adil.
6. Antara legasi terbesar beliau ialah **pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971**, yang bertujuan **membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum serta menyusun semula masyarakat bagi mengurangkan jurang ekonomi antara etnik.** DEB adalah pendekatan strategik untuk mengukuhkan perpaduan negara dengan menghapuskan ketidakseimbangan sosioekonomi yang boleh menggugat keharmonian. Tun Abdul Razak amat yakin bahawa keadilan ekonomi adalah prasyarat utama kepada kestabilan politik dan perpaduan nasional.

7. Sesungguhnya, legasi Tun Abdul Razak dalam aspek pembangunan luar bandar dan perpaduan negara kekal relevan hingga ke hari ini. Pemikiran beliau mengajar kita bahawa **perpaduan mesti dibina melalui dasar yang inklusif, pembangunan yang adil, dan keberanian politik untuk membela nasib rakyat marhaen**. Inilah warisan kepimpinan yang wajar dijadikan teladan oleh semua pemimpin dan golongan anak muda.
8. Dalam **konteks pembinaan negara bangsa**, Tun Abdul Razak merupakan **tokoh penting yang berperanan langsung dalam membentuk Malaysia yang bersatu padu, stabil, dan beridentiti nasional**. Beliau menghadapi pelbagai cabaran getir seperti pemberontakan komunis, Konfrontasi Indonesia-Malaysia, serta ketegangan kaum pada awal 1970-an. Melalui kepimpinannya, dasar-dasar strategik diperkenalkan untuk memastikan keharmonian antara kaum terpelihara, negara kekal stabil, dan rakyat memiliki kesedaran terhadap identiti bersama sebagai rakyat Malaysia.
9. Sehingga ke hari ini, usaha dan iltizam Tun Abdul Razak diteruskan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui **Rancangan Malaysia Ketiga Belas yang mengangkat pembinaan negara bangsa sebagai salah satu tonggak utama pembangunan masyarakat**.

10. **Usaha pembinaan negara bangsa juga memerlukan kesinambungan antara kerajaan dan rakyat.** Kesedaran kolektif mengenai tanggungjawab bersama untuk memelihara keharmonian, menghormati perbezaan, serta mengekalkan nilai-nilai integriti dan toleransi adalah kunci kepada penyatuan negara. Negara bangsa yang kukuh membolehkan rakyat merasai kesepaduan identiti, sekaligus mewujudkan rasa kebanggaan dan kepunyaan bersama terhadap Malaysia.
11. Saya percaya bahawa **perkongsian identiti nasional yang kukuh adalah asas kepada kestabilan politik dan keharmonian sosial, di mana setiap rakyat merasai keterikatan bersama sebagai rakyat Malaysia, tanpa menafikan kepelbagaian budaya, agama, dan etnik.**

PROGRAM YTR

Hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Syabas dan terima kasih kepada Yayasan Tun Razak dalam usaha berterusan membangunkan pemimpin-pemimpin muda dalam kalangan belia menerusi penganjuran program seumpama ini. **Saya juga mengambil kesempatan ini mengumumkan**

peruntukkan sebanyak RM100,000.00 bagi pelaksanaan program kepimpinan seperti ini.

13. Pada masa yang sama, saya berharap **Arkib Negara Malaysia, dengan kerjasama Yayasan Tun Razak, dapat menghidupkan semula Memorial Tun Razak melalui aktiviti dan pameran yang interaktif serta menarik, bukannya hanya dijadikan tapak pameran statik.** Pendekatan baharu perlu dikaji dan dilaksanakan agar lebih relevan dengan generasi hari ini. Usaha ini juga harus melibatkan anak muda dan pelajar sekolah, supaya mereka lebih mengenali sumbangan Tun Razak serta dapat mengambil inspirasi daripada perjuangan dan nilai-nilainya.
14. Saya turut dimaklumkan tentang **inisiatif baharu yang bakal dilaksanakan oleh Yayasan Tun Razak pada tahun ini.** Pendekatan ini berbeza dan lebih segar berbanding tahun-tahun sebelum ini, dengan **empat program utama:**
 - **Dokumentari "Tun Razak, The Requiem"** – sebuah filem arahan Ahmad Yazid Puad, yang akan ditayangkan di TRX.

- **Penerbitan Buku "Leadership the Razak Way"** – buku ini akan memberi panduan dan inspirasi kepada generasi pemimpin akan datang untuk memahami kepimpinan berteraskan nilai.
- **Kerjasama dengan Muzium Pahang** – menerbitkan semula karya **"Puisi Mengenang Negarawan Ulung"** dan mengadakan pameran di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan.
- **Acara di Universiti Oxford** – tayangan dokumentari dan sesi panel di **Blavatnik School of Government**, memberi perspektif antarabangsa terhadap kepimpinan Tun Abdul Razak.

15. Masa depan negara tidak hanya ditentukan oleh kepakaran teknologi, tetapi juga oleh penghayatan sejarah terdahulu yang menjadi panduan bagi membentuk masyarakat yang bersatu, berdaya saing dan berpegang kepada nilai-nilai kebangsaan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Akhir sekali, saya berharap semua peserta dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang ini untuk menimba

ilmu, membina jaringan profesional, serta memainkan peranan sebagai **ejen perubahan sosial** dalam usaha **memperkukuh perpaduan dan keharmonian negara**.

Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan **PROGRAM KEPIMPINAN YAYASAN TUN RAZAK 2026 (YTR LEAP)**.

Sekian, terima kasih.